



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 2/2010**

**PENGECUALIAN BAYARAN BAGI PERMOHONAN TUKAR ALAMAT DALAM
DOKUMEN HAKMILIK TANAH MELALUI SISTEM PENDAFTARAN TANAH
BERKOMPUTER DI BAWAH SEKSYEN 379 KANUN TANAH NEGARA 1965**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan adalah sebagai makluman kepada semua Pendaftar dan Timbalan Pendaftar di seluruh Negeri Sembilan mengenai pengecualian bayaran bagi permohonan tukar alamat dalam dokumen hakmilik tanah melalui Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) di bawah Seksyen 379 Kanun Tanah Negara 1965.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Seksyen 379 Kanun Tanah Negara 1695 (KTN) memperuntukkan bahawa mana-mana orang atau badan yang mempunyai kepentingan berdaftar ke atas suatu tanah, hendaklah memaklumkan kepada Pendaftar melalui Borang 26A mengenai pertukaran alamatnya, dan Pendaftar hendaklah membuat suatu rekod yang berpatutan mengenai pertukaran itu.

- 2.2 Bagi melaksanakan pendaftaran pertukaran alamat tersebut, pemohon dikenakan bayaran sebanyak RM40.00 sebagaimana yang diperuntukkan di bawah item (47) dan (57) Jadual Keenam, Kaedah-kaedah Tanah Negeri Sembilan, NSPU 25/2002. Walaubagaimanapun, peruntukan dalam NSPU tersebut hanya menyatakan bayaran dikenakan untuk apa-apa dokumen yang tidak dinyatakan dalam NSPU dan instrumen tanah atau membuat memorial, tanpa menyatakan secara jelas berhubung pertukaran alamat.
- 2.3 Pengemaskinian alamat dalam SPTB oleh pemilik tanah dan pihak-pihak yang berkepentingan di atas tanah adalah amat dialu-alukan bagi memudahkan penyampaian sebarang notis berhubung tanah tersebut, termasuklah penyampaian bil cukai tanah.
- 2.4 Oleh yang demikian, dirasakan adalah perlu untuk mengecualikan bayaran permohonan bagi pertukaran alamat dalam SPTB sebagai salah satu unsur galakan kepada pemilik tanah untuk mengemaskini maklumat masing-masing. Ini secara tidak langsung turut menyumbang kepada ketepatan maklumat di pentadbiran tanah dan memudahkan urusan untuk berhubung dengan pemilik tanah.

3. **PELAKSANAAN**

- 3.1 Permohonan tukar alamat dalam dokumen hakmilik tanah melalui Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) di bawah Seksyen 379 Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah diberi pengecualian bayaran.
- 3.2 Permohonan perlulah dihantar terus ke Pejabat Tanah Daerah di mana tanah tersebut terletak bagi hakmilik pejabat tanah, dan bagi hakmilik pendaftar hendaklah dihantar terus ke Pejabat Tanah dan Galian.
- 3.3 Setiap permohonan hendaklah menggunakan Borang 26A dan Pendaftar perlulah menjilidkan borang tersebut sebagai bukti permohonan bagi mengelakkan sebarang komplikasi dari segi perundangan pada masa hadapan.

4. **TARIKH KUATKUASA**

4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.



(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 12 Mac 2010

Rujukan : (10) dlm. PTG.NS 10/14 Kit. 2

Senarai Edaran

Pentadbir Tanah Daerah

Seremban
Port Dickson
Tampin
Kuala Pilah
Rembau
Jejebu
Jempol

Timbalan Pentadbir Tanah
Daerah Kecil Gemas

Edaran Dalaman

Timbalan Pengarah (Pd)
Penolong Pengarah (HM/S)
Penolong Pengarah (P/HM)
Penolong Pengarah (H)
Penolong Pengarah (P)
Penolong Pengarah (PT)
Penolong Pengarah (TM)
Penolong Pengarah (U)

s.k. Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan

Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan

Y.B Pegawai Kewangan Negeri Sembilan